
**PENGURUSAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN
"ECOTOURISM".
KAJIAN KES : TAMAN NEGARA BAKO, KUCHING, SARAWAK.**

**Diajukan kepada :
Pusat Pengajian
Perumahan Bangunan dan Perancangan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang**

**Bagi memenuhi sebahagian daripada
syarat-syarat penganugerahan
IJAZAH SARJANA SAINS PERANCANGAN**

**Disediakan Oleh:
WONG WANG YU
(P-RM0246)**

April 1995

*Dedikasi
buat*

*Ayahanda dan Bonda
yang kusayangi....*

*Ming Ming
yang sentiasa memberi kasih sayang, sokongan moral dan bantuan
yang ku hargai selama-lamanya.....*

*Tidak ketinggalan juga,
rakan-rakan yang sudi meluang masa membantuku
semasa aku dalam kesusahan.....*



Isi Kandungan

Mukasurat

Senarai Rajah	vii
Senarai Jadual	viii
Senarai Peta	ix
Senarai Pelan	ix
Senarai Gambar foto	x
Penghargaan	xi
Abstrak	xii
1.0 PENGENALAN	1
1.1 KENYATAAN ISU DAN MASALAH	1
1.2 TUJUAN KAJIAN	4
1.3 HIPOTESIS KAJIAN	5
1.4 SKOP KAJIAN	5
1.5 KAWASAN KAJIAN KES	8
1.6 METODOLOGI KAJIAN	9
1.7 RINGKASAN KANDUNGAN TESIS	14
2.0 PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN PELANCONGAN	17
2.1 KONSEP PELANCONGAN	17
2.1.1 Definisi Pelancongan	17
2.1.2 Definisi Industri Pelancongan	19
2.1.3 Jenis Pelancong	20
2.2 KONSEP SISTEM EKOLOGI	23
2.2.1 Definisi Sistem Ekologi	23
2.2.2 Konsep Kestabilan Dan Kerapuhan	25
2.2.3 Gangguan Manusia Ke atas Sistem Ekologi	26
2.2.4 Impak Aktiviti Rekreasi Ke atas Sistem Ekologi	27
2.3 KONSEP PENGURUSAN	30

2.4	MODAL PENGURUSAN REKREASI LUARAN	3
2.4.1	Input Utama Sistem Modal Pengurusan	31
2.4.2	Fungsi-fungsi Utama Sistem Modal Pengurusan	32
2.4.3	Intergrasi Fungsi-fungsi Model Pengurusan	41
2.5	PENGURUSAN DESTINASI PELANCONGAN BERDASARKAN ALAM SEMULAJADI	43
2.5.1	Pengurusan Trafik	43
2.5.2	Pengurusan Tanah	44
2.5.3	Pengurusan Pelawat	47
2.6	KAPASITI TAMPUNG	50
2.7	RUMUSAN	53
3.0	PEMBANGUNAN PELANCONGAN "ECOTOURISM"	55
3.1	DEFINISI PELANCONGAN "ECOTOURISM"	55
3.2	TREN PEMBANGUNAN PELANCONGAN "ECOTOURISM"	60
3.3	IMPAK PEMBANGUNAN PELANCONGAN "ECOTOURISM"	62
3.3.1	Impak Positif	62
3.3.2	Impak Negatif	64
3.4	RUMUSAN	69
4.0	PENGURUSAN PELANCONGAN DI TAMAN NEGARA BAKO	71
4.1	LATARBELAKANG	71
4.1.1	Sejarah	71
4.1.2	Lokasi dan Keluasan	72
4.1.3	Tarikan-tarikan Pelancongan	74
4.1.4	Kemudahan dan Perkhidmatan	77

4.2	PENGURUSAN	81
4.2.1	Polisi dan Objektif Taman Negara Bako	81
4.2.2	Akta dan Peraturan	84
4.2.3	Organisasi Pentadbiran dan Pengurusan	87
4.2.4	Peruntukan Kewangan	95
4.2.5	Pengezonan	96
4.2.6	Kapasiti Tampung	100
4.3	RUMUSAN	103
5.0	CIRI-CIRI DAN ISU PELANCONGAN DI TAMAN NEGARA BAKO	105
5.1	METODOLOGI KAJIAN KES	105
5.1.1	Kaedah Kualitatif	106
5.1.2	Kaedah Kuantitatif	106
5.2	PRESTASI PELANCONGAN	109
5.2.1	Bilangan Pelawat Mengikut Tahun dan Bulan	109
5.2.2	Bilangan Pelawat Mengikut Kunjungan Harian dan Bermalam	112
5.2.3	Bilangan Pelawat Mengikut Asal dan Negara	113
5.3	CIRI-CIRI, PERSEPSI DAN KEPERLUAN PELAWAT	116
5.3.1	Asal Pelawat	116
5.3.2	Peringkat Umur Pelawat	118
5.3.3	Status Pendidikan dan Pekerjaan Pelawat	120
5.3.4	Aktiviti Yang Diminati Pelawat	122
5.3.5	Persepsi dan Keperluan Pelawat	123
5.4	ISU DAN MASALAH PELANCONGAN DI TAMAN NEGARA BAKO	128
5.4.1	Kesan Pelancongan Ke atas Alam Sekitar	128
5.4.1.1	Konflik Ke atas Hidupan Liar	128
5.4.1.2	Hakisan Tanah	132
5.4.1.3	Pembuangan Sampah dan "Vandalism"	138
5.4.2	Masalah Kawalan Dan Pengawasan Pelawat Domestik	144
5.4.3	Rekabentuk Kemudahan Dan Aktiviti Yang Tidak Sesuai Dengan Konsep "Ecotourism"	147
5.4.4	Penggunaan Kemudahan Interpretasi Yang Tidak Sempurna	148
5.5	RUMUSAN	152

6.0	PENEMUAN DAN CADANGAN	155
6.1	PENEMUAN	155
6.1.1	Percanggahan Konsep Pelancongan Dengan Konsep Pemeliharaan Sistem Ekologi Dalam "Ecotourism"	155
6.1.2	Kelemahan Pengurusan Taman Negara Bako Sebagai Destinasi "Ecotourism"	157
6.1.2.1	Kelemahan Pengurusan Pelawat	158
6.1.2.2	Kelemahan Pengurusan Sumber	160
6.1.2.3	Kelemahan Pengurusan Perkhidmatan	161
6.2	CADANGAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN "ECOTOURISM"	163
6.2.1	Cadangan Pengurusan Khusus Untuk Taman Negara Bako	163
6.2.2	Cadangan Pengurusan Umum	167
6.3	RUMUSAN	174
7.0	KESIMPULAN	175
	BIBLIOGRAFI	179
	LAMPIRAN 1 - Tahap Pembangunan Taman-taman Negara di Sarawak	182
	LAMPIRAN 2 - Tarikan-tarikan Pelancongan di Taman Negara Bako	183
	LAMPIRAN 3 - Contoh Notis Peraturan di Taman Negara Bako	185
	LAMPIRAN 4 - Borang Soal Selidik	186
	LAMPIRAN 5 - Ketibaan Pelawat ke Taman Negara Bako mengikut Bulan dari tahun 1989 - 1993	189
	LAMPIRAN 6 - Bilangan dan Peratusan Pelawat Antarabangsa mengikut Rantau dan Negara (Julai 1993 - Mac 1994)	192
	LAMPIRAN 7 - Pemilihan Aktiviti Paling Digemari mengikut Peringkat Umur	194
	LAMPIRAN 8 - Ertika Pengembaraan Persatuan Audubon	196

Senarai Rajah

Mukasurat

1.1	Carta Alir Metodologi Kajian	13
2.1	Impak Jenis Pelancong Ke atas Alam Sekitar Destinasi Pelancongan	22
2.2	Lingkar Biologi Yang Menunjukkan Hubungan Di antara Pertumbuhan dan Pereputan	24
2.3	Hubungan Di antara Agihan Bilangan Orang Di atas Laluan Hutan Dengan Impaknya Ke atas Keperibagaian Tumbuhan dan Ciri-ciri Tanah	28
2.4	Subsistem Pengurusan Pelawat	36
2.5	Subsistem Pengurusan Sumber	38
2.6	Subsistem Pengurusan Perkhidmatan	41
2.7	Sistem Model Rekreasi Luaran - Gabungan Subsistem-subsistem Pengurusan Pelawat, Pengurusan Sumber dan Pengurusan Perkhidmatan	42
4.1	Carta Organisasi Jabatan Perhutanan Sarawak	89
4.2	Carta Organisasi Taman Negara Bako	94
5.1	Bilangan Pelawat Mengikut Tahun 1981-1993	111
5.2	Bilangan Pelawat Harian dan Bermalam (1989-1993)	113
5.3	Bilangan Pelawat Domestik dan Antarabangsa	114
5.4	Peratusan Pelawat Antarabangsa Mengikut Rantau (Julai 93 - Mac 94)	115
5.5	Bilangan Pelawat Mengikut Umur	118
5.6	Bilangan Pelawat Mengikut Umur dan Asal	119
5.7	Peratusan Pelawat Pelajar Mengikut Peringkat Pendidikan	121
5.8	Peratusan Pelawat Mengikut Jenis Pekerjaan	121
5.9	Peratusan Pelawat Yang Tahu Atau Tidak Tentang Pertunjukkan Video	151
5.10	Peratusan Pelawat Yang Menonton Pertunjukkan Video	151

Senarai Jadual

Mukasurat

3.1	Unjuran Ketibaan Pelancong Dunia Ke Tahun 2000, Mengikut Rantau	61
3.2	Impak-impak Negatif Pelancongan "Ecotourism" Di Taman-taman Negara	67
5.1	Bilangan Pelawat Mengikut Tahun (1981-1993)	111
5.2	Bilangan dan Peratus Pelawat Mengikut Harian dan Bermalam	112
5.3	Bilangan dan Peratus Pelawat Domestik dan Antarabangsa	114
5.4	Bilangan dan Peratus Pelawat Domestik dan Antarabangsa	117
5.5	Tempat Asal Pelawat Domestik	117
5.6	Tempat Asal Pelawat Antarabangsa	117
5.7	Bilangan dan Peratusan Mengikut Umur dan Asal	119
5.8	Bilangan dan Peratusan Pelawat Mengikut Status Pekerjaan	120
5.9	Bilangan dan Peratusan Pelawat Mengikut Kategori Pekerjaan Profesional	122
5.10	Pemilihan Aktiviti Paling Digemari Oleh Pelawat	122
5.11	Cadangan Utama Memajukan Taman Negara Bako Sebagai Destinasi Pelancongan Yang Popular Oleh Para Pelawat	124
5.12	Cadangan Kedua Memajukan Taman Negara Bako Sebagai Destinasi Pelancongan Yang Popular Oleh ParaPelawat	124
5.13	Bilangan dan Peratusan Pelawat Yang Memerlukan Perkhidmatan Pemandu	125
5.14	Keperluan Perkhidmatan Pemandu Mengikut Umur	126
5.15	Persepsi Taman Negara Bako Sebagai Destinasi Pelancongan	127
5.16	Bilangan dan Peratusan Pelawat Yang Melawat Pusat Penerangan dan Interpretasi	149
5.17	Bilangan dan Peratusan Pelawat Yang Melawat Pusat Penerangan dan Interpretasi Mengikut Umur	149

Senarai Peta

Mukasurat

4.1	Lokasi Taman Negara Bako	73
-----	--------------------------	----

Senarai Pelan

Mukasurat

4.1	Denai-denai hutan untuk meneroka alam semulajadi	75
4.2	Kemudahan-kemudahan pelancongan dan rekreasi yang sedia ada di Taman Negara Bako	79
4.3	Pengezonan di Taman Negara Bako	99
5.1	Kawasan hakisan dan struktur tanah lemah di Teluk Assam	134
5.2	Kemudahan tong sampah di sekitar Teluk Assam	139

Senarai Gambar foto

Mukasurat

4.1	Bangunan kantin	80
4.2	Bangunan rumah penginapan	80
5.1	Papan tanda melarang pelawat memberi makanan kepada binatang	129
5.2	Tapak perkhemahan baru yang berpagar	131
5.3	Beg-beg pasir yang digunakan untuk membina tembok penahan hakisan	134
5.4	Persinggahan bot-bot di tepi pantai	135
5.5	Pelawat yang mengelakkan tempat-tempat becak	136
5.6	Hakisan di denai-denai hutan	137
5.7	Laluan papan untuk mengurangkan tekanan secara langsung ke atas tanah	138
5.8	Sampah sarap di tepi pantai	140
5.9	Sampah sarap di sepanjang denai hutan	140
5.10	Sampah sarap di kawasan penginapan	141
5.11	"Vandalism" ke atas struktur batu pasir di tepi pantai	142
5.12	"Vandalism" ke atas tandas dan bilik mandi awam	142
5.13	"Vandalism" ke atas papan tanda di denai hutan	143
5.14	Aktiviti golong remaja di "Day Shelter"	146
5.15	Sampah sarap yang ditinggalkan golongan remaja	146
5.16	Bilik pameran pusat penerangan dan interpretasi	150
5.17	Bilik pertunjukan video	150

Penghargaan

Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan jutaan terimakasih kepada pihak-pihak yang telah memberi saya banyak bantuan dan tunjuk ajar dalam penyediaan tesis ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada Profesor Madya Dr. Che Musa Che Omar selaku penyelia saya yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat yang amat bernilai semasa penyediaan laporan ini. Begitu juga dengan pensyarah-pensyarah lain yang turut memberi tunjuk ajar dan nasihat yang amat berguna.

Penghargaan dan terimakasih juga ditujukan kepada pihak-pihak yang telah memberi kerjasama dari segi pengumpulan dan pemberian sumber data dan maklumat, iaitu :-

- (1) Encik Sapuan Hj. Ahmad, Pegawai Tinggi Pejabat Taman Negara dan Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Sarawak.
- (2) Kakitangan Pejabat Taman Negara dan Hidupan Liar serta kakitangan Pejabat Taman Negara Bako.
- (3) Kakitangan Perpustakaan Lembaga Promosi Pelancongan Malaysia, Kuala Lumpur.
- (4) Kakitangan Kementerian Alam Sekitar dan Pelancongan Negeri Sarawak.

Setinggi-tinggi terimakasih kepada rakan-rakan, iaitu Chai Yek, Kiing Teck Ching, Ting Sie Lee, Hwong Hoe Hing dan Lee Siew Ang yang memberi sokongan dan bantuan teknikal dalam proses penyediaan tesis ini.

Akhir sekali penghargaan dan terimakasih yang tak terhingga kepada ibu bapa dan semua ahli keluarga yang sentiasa memberi perhatian, nasihat, dorongan dan mendoakan kejayaan saya selama ini.

Abstrak

Kajian ini adalah berkenaan dengan pengurusan pembangunan pelancongan "ecotourism" di destinasi yang menggunakan sistem ekologi alam semulajadi sebagai produk pelancongan. Dalam menjalankan kajian ini, satu kawasan kajian kes telah dipilih, iaitu Taman Negara Bako di Kuching, Sarawak.

Kajian ini mempunyai dua tujuan utama, iaitu 1) untuk mengkaji sama ada pembangunan pelancongan "ecotourism" benar-benar mengekalkan dan memelihara alam semulajadi ataupun ia merupakan punca kerosakan kepada alam semulajadi akibat tekanan pembangunan pelancongan; dan 2) untuk mengkaji sama ada pelawat yang melawati destinasi pelancongan "ecotourism" benar-benar mendapat faedah lawatan tersebut dari segi mendalami pengetahuan dan mengenali sistem ekologi alam semulajadi atau mengunjunginya setakat untuk beriadah sahaja. Kedua-dua persoalan ini dikaitkan dengan pengurusan pembangunan pelancongan "ecotourism" yang sedia ada di Taman Negara Bako.

Penemuan kajian ini menunjukkan terdapat tanda-tanda kemerosotan dan kerosakan kepada sistem ekologi alam semulajadi di Taman Negara Bako, walaupun ia belum lagi mencapai tahap yang serius. Begitu juga kebanyakan pelawat ke Taman Negara Bako tidak mendapat faedah sepenuhnya daripada lawatan mereka dari segi mendalami pengetahuan dan mengenali sistem ekologi alam semulajadi. Ramai pelawat mengunjunginya hanya setakat untuk beriadah sahaja, khususnya berkelah di tepi pantai Teluk Assam. Kelemahan di atas boleh dikaitkan dengan pengurusan yang sedia ada, khususnya dari segi pelaksanaannya. Kesilapan pengurusan adalah dari segi pengurusan pelawat, pengurusan sumber dan pengurusan perkhidmatan yang tidak sempurna dan berkesan. Sekiranya keadaan ini berterusan dan tidak diperbaiki, ia akan membawa kemerosotan dan kerosakan yang semakin serius kepada sistem ekologi alam semulajadi.

Daripada penemuan kajian, setiap pembangunan pelancongan "ecotourism" haruslah menitikberatkan pengurusan yang berkesan dan bersesuaian dengan keadaan dan ciri-ciri yang sedia ada di destinasinya supaya pembangunan pelancongan "ecotourism" akan menjadi lebih bermakna serta mencapai matlamat pemeliharaan dan pelancongan.

Hasil penemuan kajian ini digunakan sebagai asas untuk membentuk cadangan pengurusan pembangunan pelancongan "ecotourism" khusus bagi Taman Negara Bako dan cadangan umum bagi kesemua destinasi yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai destinasi pelancongan "ecotourism". Cadangan-cadangan ini diharapkan dapat mewujudkan pembangunan pelancongan "ecotourism" yang mampan. Pembangunan yang mampan bermaksud pembangunan pelancongan "ecotourism" yang berharmoni dengan alam semulajadi serta berupaya memelihara sistem ekologi untuk dinikmati oleh generasi kini dan generasi masa depan.

Abstract


This study is concerning the management of “ecotourism” development in destinations which use the natural ecological system as the product for tourism. In carrying out this study, Bako National Park in Kuching, Sarawak has been picked as a case study.

This study has two main aims : 1) To study whether the development of “ecotourism” really does preserve and conserve the natural environment or it is the cause of the destruction to the natural environment from the pressure of tourism development ; and 2) To study whether the visitors to “ecotourism” destination really has the benefit of increasing their knowledge about the natural environment or their visit is just for leisure purposes. These two issues will be connected to the existing management of “ecotourism” development in Bako National Park.

The findings showed that although it has not reached a serious stage, there are signs of deterioration and destruction to the natural ecological system in Bako National Park.. Most visitors to Bako National Park do not have the whole benefit of increasing their knowledge about the natural ecological system but their visit are just for leisure purposes; especially having a picnic by the seaside in Teluk Assam. The weaknesses above can be connected to the existing management, especially the implementation side. This in term can be connected to the ineffective management of visitors, resources and services. If this situation is to continue and not improve, it will cause more serious deterioration and destruction to the natural ecological system.

From the findings, every “ecotourism” development has to emphasize or stress on the effective management which is suitable to the existing situations and characteristics of the destinations so that “ecotourism” development can be more meaningful and achieved the goal of conservation and tourism.

The findings of this study will be used to propose an effective management for Bako National Park and also for other destinations which have the potential to be developed as an “ecotourism” destination. It is hope that the proposed management will help to maintain a sustainable development of “ecotourism”. Sustainable development means an “ecotourism” development which is in harmony with natural environment and also conserve the ecological system for the enjoyment of present and future generations.



IB A IB 1

PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

1.1 KENYATAAN ISU DAN MASALAH

Industri pelancongan merupakan perniagaan yang besar dan semakin berkembang di seluruh dunia. Permintaan untuk pelancongan antarabangsa dan domestik akan terus berkembang sepanjang tahun 1990-an dan menjelang tahun 2000 ketibaan antarabangsa akan melebihi 620 juta di mana destinasi-destinasi yang mempunyai alam semulajadi yang indah dan menarik akan menjadi tumpuan para pelancong.¹ Oleh itu, negara-negara destinasi tersebut dijangka akan mengalami pembangunan pelancongan yang pesat.

Pembangunan pelancongan telah dihubungkait dengan fahaman bahawa ia akan mendatangkan banyak sumbangan positif kepada komuniti sesebuah destinasi pelancongan dari segi sosial, ekonomi dan pemeliharaan alam semulajadi. Walau bagaimanapun, pengalaman-pengalaman yang lalu menunjukkan ia juga boleh mendatangkan banyak impak negatif kepada alam sekitar sesuatu destinasi pelancongan, khususnya kebudayaan dan alam semulajadinya.²

Dalam tesis ini, tumpuan penyelidikan adalah terhadap keberkesanan pengurusan pembangunan pelancongan "ecotourism" di destinasi yang menjadikan sistem ekologi alam semulajadi sebagai produk utamanya. Secara umumnya, pembangunan "ecotourism" adalah sensitif terhadap alam semulajadi.

¹ Boniface, Brian G. and Cooper, Chris (1994) (2nd. Edition) *The Geography Of Travel And Tourism*, Butterworth-Heinemann Ltd., Oxford, London, ms. 27.

² Murphy, Peter E. (1985) *Tourism : A Community Approach*, Methuen & Co., London, ms.30.

Pemeliharaan keindahan dan warisan produk-produk pelancongan seperti hutan, gunung, pantai, tasik, flora dan fauna merupakan faktor utama pertumbuhan dan "survival" jenis pelancongan ini. Contoh terbaik yang membuktikan pelancongan berupaya melindungi sumber-sumber semulajadi dapat dilihat daripada pembukaan taman-taman negara di seluruh dunia yang dipelopori oleh pembangunan Taman Negara Yellowstone di Amerika Syarikat pada tahun 1872. Pembukaan taman-taman negara membolehkan perlindungan hidupan liar yang lebih berkesan. Pendapatan daripada para pelancong boleh digunakan untuk menyelenggarakan laluan-laluan hutan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan. Tambahan lagi, kehadiran pelancong boleh menjauhkan atau mengelakkan aktiviti-aktiviti pemburuan haram.³

Walau bagaimanapun, pembangunan "ecotourism" yang tergesa-gesa untuk mengaut keuntungan tanpa perancangan dan pengurusan yang sempurna boleh menyebabkan kemusnahan atau kerosakan kepada kualiti alam semulajadi yang menjadi tarikan kepada para pelancong serta kemudahan-kemudahan yang disediakan. Pertambahan pelancong yang ramai serta tidak bertanggungjawab tanpa kawalan; dan ketiadaan usaha meningkatkan kemudahan-kemudahan yang sedia ada untuk menampung mereka boleh mengakibatkan kapasiti sesebuah destinasi pelancongan dilampaui. Kemerosotan dan kerosakan alam sekitar semulajadi serta buatan manusia akan berlaku seperti kemusnahan tumbuhan lair akibat dipijak, dipetik dan ditebang; gangguan terhadap habitat serta tabiat binatang akibat pemberian makanan yang tidak sesuai, pengambilan gambar foto secara berleluasa dan pemburuan secara haram; pencemaran akibat pembuangan sampah dan sisa buangan lain; kerosakan kemudahan-kemudahan pelancongan akibat "vandalism" dan sebagainya. Misalnya, Sochow (1976) melaporkan lebih

³ Ibid., ms.32.

300 ekspedisi pendakian gunung sejak tahun 1949 telah menyebabkan kemusnahan tumbuhan yang berleluasa dan pengumpulan sampah sarap yang serius di tebing Gunung Everest dan lain-lain puncak di Banjaran Himalaya.⁴ Beed dan Clement (1961) pula telah melahirkan perasaan bimbang bahawa pertambahan pelancong yang ramai ke Tahiti boleh mengakibatkan keadaan ekologi yang tidak seimbang dalam lingkungan ekosistem pulau tersebut jika kedatangan itu tidak diurus dengan teliti dan gigih.⁵ Keadaan ini juga berlaku di Malaysia. Misalnya, kerosakkan kepada sistem ekologi laut dan batu karang di Pulau Sipadan, Sabah, akibat aktiviti para penyelam yang ramai serta pergerakan bot-bot, pembuangan sisa pepejal dan cecair yang tidak diurus dengan baik; dan penerokaan kawasan tepi pantai untuk membina kemudahan-kemudahan pelancong yang mengakibatkan pertambahan di dalam ketidakseimbangan dan hakisan di tepi pantai.⁶

Oleh itu, pengurusan pembangunan pelancongan di destinasi-destinasi "ecotourism" yang sensitif, khususnya destinasi yang menjadikan alam semulajadi sebagai produk pelancongan harus dititikberatkan agar pembangunan pelancongan mampan dapat diwujudkan. Ini menjadi lebih penting apabila pelancongan "ecotourism" berdasarkan alam semulajadi kian popular dan digemari sejak pertengahan tahun 1980-an sehingga tahun 1990-an dan dijangka akan berterusan untuk tahun-tahun seterusnya. Ini disebabkan kesedaran masyarakat antarabangsa tentang kemusnahan alam semulajadi yang berleluasa kian meningkat dan ramai yang ingin mengunjungi, mempelajari dan memeliharanya sebelum ia menjadi pupus.⁷

⁴ Dipetik daripada Ibid.

⁵ Dipetik daripada Mathieson, Alister dan Wall, Geoffery (1991) **Pelancongan : Impak Ekonomi, Fizikal dan Sosial**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, ms. 101. (penterjemah Abdul Kadir Hj. Din)

⁶ **The Star** (1994) "Sipadan : Loving It To Death", 27 Disember, sec 2, ms. 1-2.

⁷ Naisbitt, John (1994) **Megatrends : Global Paradox**, Avon Books, New York, ms.165 dan bahan-bahan rujukan lain, termasuk artikel-artikel semasa di dalam suratkhbar dan majalah yang banyak menyentuh tentang pembangunan pelancongan "ecotourism".

1.2 TUJUAN KAJIAN

Terdapat dua persoalan utama yang menarik perhatian pengkaji untuk menjalankan kajian ini.

Pertama, adakah pembangunan "ecotourism" benar-benar mengekalkan dan memelihara alam semulajadi atau ia merupakan punca kerosakan alam semulajadi akibat tekanan pembangunan pelancongan?

Kedua, adakah pelawat-pelawat yang melawat destinasi pelancongan "ecotourism" benar-benar mendapat faedah daripada lawatan tersebut dari segi mendalami pengetahuan dan mengenali sistem ekologi alam sekitar atau datang setakat untuk beriadah sahaja?

Kedua-dua persoalan ini dikaitkan dengan pengurusan pembangunan pelancongan "ecotourism" untuk melihat sama ada pengurusan tersebut berkesan ataupun tidak untuk mengekalkan dan memelihara kawasan semulajadi sebagai destinasi pelancongan atau ia merupakan penghalang kepada pembangunan "ecotourism" dari segi mendatangkan impak negatif terhadap alam semulajadi dan tidak memberi faedah pengetahuan tentang sistem ekologi alam semulajadi kepada para pelawat.

Penemuan daripada isu dan masalah (hasil analisis dan penilaian) akan dijadikan asas untuk mencadangkan garis panduan pengurusan yang bersesuaian untuk tujuan pembangunan "ecotourism" yang berharmoni dengan alam semulajadi serta berupaya memelihara sistem ekologi untuk dinikmati oleh generasi kini dan generasi masa depan.

1.3 HIPOTESIS KAJIAN

Kajian ini berlandaskan hipotesis bahawa,

'Pengurusan pembangunan pelancongan "ecotourism" yang kurang berkesan akan menjejaskan matlamat pemeliharaan dan penyebaran pengetahuan tentang sistem ekologi alam semulajadi'.

Pengurusan yang kurang berkesan di sini merujuk kepada pengurusan yang tidak berupaya mengharmonikan pembangunan pelancongan dengan pemeliharaan sistem ekologi alam sekitar sesuatu destinasi pelancongan. Akibat kekurangan di dalam pengurusan ini, kualiti alam sekitar destinasi pelancongan terjejas. Alam sekitar di sini merujuk kepada alam semulajadi. Selain itu, para pelawat juga tidak mendapat faedah sebenar dari segi mendapat pengetahuan dan mengenali sistem ekologi alam sekitar, tetapi hanya datang sekadar beriadah sahaja.

Pengurusan dalam konteks ini dilihat dari segi dasar dan pelaksanaan pembangunan pelancongan "ecotourism" di kawasan destinasi.

1.4 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini boleh dibahagikan kepada 3 bahagian utama, iaitu

- i) Mengkaji teori-teori berkenaan industri pelancongan, sistem ekologi dan pengurusan pelancongan.
- ii) Mengkaji senario pembangunan pelancongan "ecotourism".

- iii) Menumpu kepada satu kawasan pelancongan "ecotourism" untuk dijadikan kajian kes.

Memandangkan kajian ini adalah berkenaan pengurusan dalam pembangunan pelancongan "ecotourism", maka teori-teori berkenaan pengurusan, pelancongan dan sistem ekologi akan dibincangkan.

Bahagian seterusnya ialah mengkaji secara umum senario pembangunan pelancongan "ecotourism" dengan mengambil contoh-contoh di negara-negara tertentu yang difikirkan sesuai. Bahagian ini meliputi kajian terhadap definisi "ecotourism", tren pembangunan dan impak-impaknya.

Disebabkan konstrain masa, tenaga dan kewangan, hanya satu kawasan pelancongan "ecotourism", iaitu Taman Negara Bako di Sarawak dipilih sebagai tapak kajian kes. Kajian di Taman Negara Bako menumpukan kepada 3 aspek utama, iaitu :-

- i) Latarbelakang, prestasi dan ciri-ciri pelancongan di Taman Negara Bako
- ii) Pengurusan dari segi dasar yang sedia ada dan perlaksanaannya.
- iii) Impak pembangunan pelancongan ke atas alam sekitar dan persepsi pelancong.

Kajian latarbelakang dan prestasi pelancongan di Taman Negara Bako meliputi kajian terhadap sejarah, lokasi dan saiz; tarikan-tarikan pelancongan; kemudahan dan perkhidmatan; ketibaan pelancong dan ciri-ciri pelancong di Taman Negara Bako.

Pengurusan dari segi dasar yang sedia ada dan pelaksanaannya meliputi kajian terhadap polisi, akta, peraturan, penyediaan kemudahan-kemudahan dan kawalan para pelawat.

Kajian impak pembangunan pelancongan ke atas alam sekitar dan persepsi pelawat meliputi kajian terhadap impak aktiviti pembangunan pelancongan terhadap kualiti sistem ekologi alam semulajadi di kawasan kajian dan keperluan serta persepsi para pelawat.

Ketiga-tiga aspek tersebut akan dihubungkan dan dinilai untuk melihat sejauhmanakah isu dan masalah yang timbul adalah disebabkan oleh pengurusan sedia ada. Penemuan kajian kes ini akan dijadikan panduan untuk mengemukakan satu pengurusan yang sesuai bagi pembangunan pelancongan "ecotourism".

Skop kajian tidak menumpukan kepada lain-lain impak pembangunan pelancongan "ecotourism" seperti impak ke atas ekonomi dan sosio-budaya penduduk setempat.

Selain itu, tumpuan kajian kes adalah terhadap destinasi pelancongan "ecotourism" yang menjadikan alam semulajadi sebagai produk utama pelancongan dan tidak kepada destinasi yang menjadikan kebudayaan manusia sebagai produk utamanya. Ini disebabkan alam semulajadi merupakan kawasan yang paling sensitif kepada apa jua aktiviti pembangunan manusia.

1.5 KAWASAN KAJIAN KES

Kawasan kajian kes yang dipilih ialah Taman Negara Bako di Kuching, Sarawak. Sarawak memang terkenal sebagai destinasi pelancongan berdasarkan alam semulajadi yang popular di Malaysia. Ini disebabkan ia kaya dengan pelbagai sumber alam semulajadi seperti hutan, bukit, gunung, kawasan pantai, tumbuhan dan binatang liar yang unik serta indah.

Setakat ini terdapat 10 buah taman negara di Sarawak yang telah diperlembagakan. Taman Negara Bako dipilih sebagai kawasan kajian kes kerana ia merupakan taman negara yang tertua, bukan sahaja di Sarawak, malahan di seluruh Malaysia. Selain itu, ia juga merupakan yang paling banyak dibangunkan dari segi penyediaan kemudahan-kemudahan rekreasi dan pelancongan. (rujuk *Lampiran 1*)

Sistem ekologi Taman Negara Bako, iaitu Hutan Hujan Tropika juga merupakan salah satu daripada sistem ekologi yang paling sensitif di dunia dan mudah rosak apabila diganggu oleh manusia.

Faktor-faktor lain yang menyebabkan pengkaji memilih Taman Negara Bako adalah seperti berikut :-

- Taman Negara Bako merupakan salah sebuah taman negara yang paling mudah dicapai. Ia hanya sejauh 37 km ke utara Bandaraya Kuching. (rujuk *Peta 4.1*, ms. 73) Perjalanan ke situ mengambil masa selama 30 minit dengan kenderaan melalui jalan berturap dan 30 minit dengan bot. Jumlah masa perjalanan lebih kurang sejam. Disebabkan kemudahsampaianya, ia

merupakan salah sebuah taman negara yang paling banyak dikunjungi oleh para pelawat.

- Selain daripada kawasan pedalaman yang penuh dengan flora dan fauna yang menarik, Taman Negara Bako juga mempunyai zon pantai, iaitu Teluk Assam yang kaya dengan sistem ekologi yang tersendiri. Kawasan Teluk Assam juga menjadi tumpuan penyediaan kemudahan-kemudahan (seperti pejabat, kantin, chalet, hostel, tapak perkhemahan dan sebagainya) dan aktiviti-aktiviti beriadah.
- Taman Negara Bako telah lama menjadi taman yang dilindungi daripada pemburuan dan pemusnahan hutan. Ia terletak di bawah kawalan dan pengurusan Bahagian Pejabat Taman Negara dan Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Sarawak. Jadi, sistem ekologi Taman Negara Bako adalah terpelihara dari gejala-gejala pemburuan dan pembangunan.

Keadaan sedia ada ini membolehkan kajian dijalankan berdasarkan tujuan kajian yang telah ditetapkan serta konstrain-konstrain yang ada dari segi masa, tenaga dan kewangan.

1.6 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang dibincangkan di bahagian ini merupakan metodologi kajian secara umum yang merangkumi keseluruhan proses penyelidikan yang dijalankan di peringkat permulaan penyediaan tesis (iaitu pemilihan bidang dan tajuk kajian) sehingga ke peringkat akhir (iaitu penyediaan laporan akhir). Seluruh penyelidikan tesis ini mengambil masa selama 10 bulan, iaitu daripada

bulan Julai, 1994 hingga bulan April, 1995. Ia dijalankan mengikut tempoh pengajian di peringkat Sarjana Perancangan untuk sesi akademik 1994 / 1995.

Metodologi kajian kes yang memperincikan kaedah-kaedah pengumpulan data dan maklumat serta kerja lapangan di kawasan kajian kes akan dibincangkan di dalam Bab 4.

Metodologi umum kajian adalah seperti ditunjukkan di dalam *Rajah 1.1* dan boleh dibahagikan kepada 6 peringkat seperti berikut :-

1. Kajian Awal
2. Pemahaman Bidang Kajian
3. Menstrukturkan Rangkakerja Penyelidikan
4. Penentuan Kaedah dan Sumber Pengumpulan Data
5. Analisis dan Penilaian
6. Penemuan dan Cadangan

Peringkat 1 : Kajian Awal

Peringkat ini meliputi pemilihan bidang dan tajuk kajian melalui bacaan dan rujukan awal serta rundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan, khususnya pensyarah. Pada peringkat ini, isu dan masalah yang hendak dikaji dikenalpasti. Aspek-aspek teoritikal berkaitan dengan tajuk serta isu dan masalah kajian juga dikaji.

Pada peringkat ini, kemungkinan penyelidikan dari segi masa, kos, kemahiran dan risiko yang terlibat juga dipertimbangkan.

Peringkat 2 : Pemahaman Bidang Kajian

Peringkat ini melibatkan pemahaman tentang aspek-aspek yang hendak dikaji sebagai panduan haluan di dalam proses penyelidikan yang ingin dijalankan. Ia melibatkan pembentukan tujuan kajian, hipotesis kajian, skop kajian dan metodologi kajian.

Peringkat 3 : Menstrukturkan Rangkakerja Penyelidikan

Peringkat ini melibatkan pembahagian tajuk kajian kepada sub-sub topik di dalam bab-bab tertentu untuk memudahkan penyusunan dan pencarian bahan-bahan berdasarkan kepada keperluan setiap sub topik.

Peringkat 4 : Penentuan Kaedah dan Sumber Pengumpulan Data

Terdapat 3 jenis data utama yang hendak dikumpul, iaitu data primer, data sekunder dan data tertiar. Data primer dikumpul melalui pengamatan, gambar foto dan soal selidik di kawasan kajian. Sementara data sekunder akan dikumpul daripada sumber-sumber bercetak seperti laporan-laporan, majalah-majalah, risalah-risalah, suratkhabar, brosur-brosur dan sebagainya. Data tertiar dikumpul melalui temubual dengan pegawai-pegawai jabatan yang terlibat dengan pengurusan taman negara sebagai sokongan kepada data primer dan data sekunder.

Di antara jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang dikunjungi untuk mendapat data sekunder dan data tertiar adalah seperti berikut :-


1. Pejabat Taman Negara dan Hidupan Liar, Sarawak
2. Kementerian Alam Sekitar dan Pelancongan Negeri Sarawak
3. Perbadanan Pembangunan Pelancongan Negeri Sarawak
4. Perpustakaan Lembaga Promosi Pelancongan Malaysia, Kuala Lumpur.

Peringkat 5 : Analisis dan Penilaian

Data yang dikumpul dianalisis dan dinilai dengan bantuan komputer.

Peringkat 6 : Penemuan dan Cadangan

Penemuan analisis akan digunakan untuk membantu proses membuat cadangan dan menguji hipotesis.



Rajah 1.1 : CARTA ALIR METODOLOGI KAJIAN

1.7 RINGKASAN KANDUNGAN TESIS

Kandungan tesis ini boleh dibahagikan kepada 7 bab. Ringkasan kandungan setiap bab adalah seperti berikut :-

Bab 1 - PENGENALAN

Bab ini mengandungi kenyataan ringkas isu dan masalah yang hendak dikaji, iaitu berkenaan dengan tren dan impak-impak pembangunan pelancongan "ecotourism". Selain itu, ia juga mendokumentasikan panduan yang digunakan untuk kajian ini yang meliputi tujuan kajian, hipotesis kajian, skop kajian dan metodologi kajian. Pengenalan ringkas kawasan kajian kes dan sebab pemilihannya juga dibincangkan.

Bab 2 - PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN PELANCONGAN

Bab ini menekankan aspek-aspek teoritikal pembangunan dan pengurusan pelancongan. Konsep pelancongan, konsep sistem ekologi dan kaitan kedua-dua konsep tersebut dibincangkan. Bab ini juga meneliti model pengurusan, pelaksanaan pengurusan dan teknik-teknik yang digunakan untuk pengurusan pembangunan pelancongan "ecotourism". Bab ini penting untuk pemahaman pengkaji dalam mengkaitkan pembangunan pelancongan "ecotourism" dengan kaedah pengurusan yang berkesan bagi mengurangkan impak-impak negatifnya dan pada masa yang sama memaksimumkan impak-impak positifnya.

Bab 3 - PEMBANGUNAN PELANCONGAN "ECOTOURISM"

Bab ini melihat kepada pembangunan semasa pelancongan "ecotourism" dari segi definisi-definisi yang diberikan oleh pelbagai pihak, tren semasanya, dan impak-impak positif dan negatifnya dengan mengambil contoh-contoh di beberapa buah destinasi yang tertentu. Bab ini memberi pemahaman kepada pengkaji tentang apa yang sebenarnya berlaku di dunia nyata berkenaan pembangunan pelancongan "ecotourism". Di mana yang sesuai, ia boleh digunakan sebagai perbandingan dengan keadaan di kawasan kajian kes.

**Bab 4 - PENGURUSAN PELANCONGAN
DI TAMAN NEGARA BAKO**

Bab ini menumpukan kepada kawasan kajian kes. Perkara-perkara yang dibincangkan ialah berkenaan latarbelakang Taman Negara Bako sebagai destinasi pelancongan "ecotourism", pengurusan sedia ada dari segi polisi dan objektif; akta dan peraturan; organisasi pentadbiran dan pengurusan; dan kaedah kawalan pembangunan pelancongan seperti pengezonan dan kapasiti tampung.

**BAB 5 - CIRI-CIRI DAN ISU PELANCONGAN
DI TAMAN NEGARA BAKO**

Bab ini mendokumentasikan metodologi kajian kes, prestasi pelancongan; serta ciri-ciri dan persepsi para pelancong yang melawat Taman Negara Bako. Isu dan masalah pelancongan di Taman Negara Bako hasil daripada kajian secara pengamatan dan soal selidik juga didokumentasikan. Data dan maklumat bab ini adalah penting untuk melihat keadaan sebenar yang berlaku di Taman Negara Bako. Ia seterusnya akan digunakan sebagai maklumat untuk menguji hipotesis


dan pembentukan cadangan-cadangan pengurusan yang berkesan untuk Taman Negara Bako. Kedua-duanya didokumentasikan di dalam Bab 6.

BAB 6 - PENEMUAN DAN CADANGAN

Penemuan-penemuan penyelidikan hasil daripada analisis data dan maklumat daripada bab 5 didokumentasikan di dalam bab ini. Penemuan ini digunakan untuk menguji hipotesis kajian yang dinyatakan di dalam Bab 1. Bab ini juga mendokumentasikan cadangan-cadangan yang dikemukakan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan pengurusan pembangunan pelancongan "ecotourism". Cadangan-cadangan ini boleh dibahagikan kepada 2 bahagian utama, iaitu cadangan-cadangan yang khusus untuk Taman Negara Bako dan cadangan-cadangan umum untuk destinasi-destinasi lain yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan pelancongan "ecotourism".

BAB 7 - KESIMPULAN

Bab ini merumuskan keseluruhan penyelidikan yang telah dijalankan, termasuk penemuan-penemuan penyelidikan, ujian hipotesis, cadangan-cadangan pengurusan pembangunan "ecotourism", konstrain-konstrain penyelidikan dan cadangan-cadangan penyelidikan yang boleh dijalankan selanjutnya.



B A B 2

PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN

2.0 PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN PELANCONGAN

2.1 KONSEP PELANCONGAN

2.1.1 Definisi Pelancongan

Websters International Dictionary mentakrifkan pelancongan sebagai ' suatu perjalanan oleh seseorang dan akan pulang ke titik permulaannya; suatu lawatan pusingan yang biasanya mempunyai tujuan perniagaan, bersenang-senang atau mengikuti pelajaran dan selama perjalanan itu berbagai-bagai tempat dilawat dan suatu jadual lawatan biasanya telah dirancang untuk itu'.¹

Sesuai dengan itu, Oxford English Dictionary mendefinisikan pelancong sebagai 'orang yang membuat lawatan atau lawatan-lawatan, terutamanya orang yang berbuat demikian untuk berekreasi, orang yang berpergian untuk hiburan atau kebudayaan, orang yang melawat beberapa buah tempat untuk perkara yang diminatinya, pemandangan dan sebagainya'.²

Sebenarnya istilah pelancongan mempunyai pelbagai interpretasi atau tafsiran. Dalam tinjauannya yang meliputi 80 kajian pengembaraan dan pelancongan pada tahun 1976, Frechtling mencatatkan empat puluh tiga definisi yang berlainan untuk istilah pengembaraan, pelancong dan pelawat.³

¹ Websters International Dictionary (1961), ms.2417, dipetik daripada Mathieson, Alister dan Wall, Geoffery (1991) **Pelancongan : Impak Ekonomi, Fizikal dan Sosial**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. (penterjemah Abdul Kadir Hj. Din), ms.11.

² Oxford English Dictionary (1933). ms.190, dipetik daripada Ibid.

³ Frechtling, D.C. (1976) "Proposed Standard, Definitions And Classifications For Travel Research", **Proceedings Of The Travel Research Association**, Konferensi Tahunan ke -7, Boca Raton, Florida, ms. 59-68.

Untuk tujuan penyelidikan ini, definisi pelancong dan pelawat yang dikemukakan oleh Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu berkenaan pengembaraan dan pelancongan di Rome pada tahun 1963 akan digunakan.

Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu tersebut telah mengesyorkan takrifan 'pelawat' dan 'pelancong' sebagai sesiapa yang melawat sesebuah negeri yang lain daripada negeri tempat dia bermastautin untuk sebarang sebab, selain daripada menjalankan perkerjaan serta mendapat ganjaran dari dalam negeri yang dilawatnya itu.⁴ Definisi ini meliputi 2 jenis pengembara yang berbeza, iaitu :-

1. **Pelancong** atau **pelawat bermalam** yang berupa pelawat sementara dan tinggal sekurang-kurangnya 24 jam di negeri yang dilawatnya itu dan tujuan perjalanan pelawat tersebut dapat dikelaskan ke dalam salah satu tajuk berikut :-
 - (a) bersenang-senang (berekreasi, bercuti, kesihatan, pelajaran, agama dan sukan).
 - (b) urusan perniagaan, keluarga, perwakilan, mesyuarat.
2. **Persiar** atau **pelawat harian** yang berupa pelawat sementara yang tinggal tidak sampai 24 jam di negeri yang dikunjungi itu dan tidak bermalam di situ.(termasuk pelawat yang tiba dengan kapal persiar)

⁴ World Tourism Organization (1981) "Technical Handbook On The Collection And Presentation Of Domestic And International Tourist Statistics : Introduction", World Tourism Organization, Madrid, dipetik daripada Inskeep, Edward (1991) **Tourism Planning : An Integrated And Sustainable Development Approach**, Van Nostrand Reinhold, New York, ms. 19.

Pelancong antarabangsa pula meliputi orang yang membuat lawatan dengan menyeberang sempadan antarabangsa dan yang tinggal di tempat lawatan itu sekurang-kurangnya 24 jam; dan **pelancong domestik** merupakan orang yang membuat lawatan di dalam negerinya tetapi tinggal di luar kawasan kediamannya lebih daripada 24 jam.⁵

Walau bagaimanapun, definisi pelancong antarabangsa dan pelancong domestik yang telah dinyatakan di atas tidak dapat digunakan dengan sepenuhnya untuk kajian kes di Taman Negara Bako. Ini disebabkan pelancong ke Taman Negara Bako yang terdiri daripada warganegara asing juga membuat lawatan harian, selain daripada lawatan bermalam. Begitu juga untuk pelancong domestik.

Untuk penyelidikan tesis ini, istilah **pelawat antarabangsa** yang merangkumi kedua-dua pelawat bermalam dan pelawat harian yang terdiri daripada warganegara asing akan digunakan. Sementara itu, istilah **pelawat domestik** pula merangkumi kedua-dua pelawat bermalam dan pelawat harian yang terdiri daripada warganegara Malaysia.

2.1.2 Definisi Industri Pelancongan

Kewujudan industri pelancongan bergantung pada asasnya kepada keinginan para pelancong atau pengembara untuk menikmati suatu pengalaman yang berbeza dan dalam proses ini mereka rela berbelanja untuk mendapat pengalaman tersebut.⁶

⁵ Ibid.

⁶ Harssel, Jan Van (1988) *Tourism : An Exploration*, National Publishers, New York, ms. 3.

Industri pelancongan terdiri daripada sektor-sektor ekonomi yang menyediakan perkhidmatan seperti akomodasi, makanan dan minuman; pengangkutan dan rekreasi, di samping perkhidmatan-perkhidmatan jualan yang lain. Industri ini disokong oleh pihak awam dan swasta yang mengatur dan menyediakan pelbagai aktiviti dan tarikan.⁷

Industri ini beroperasi dengan motif untuk membuat keuntungan dan usaha promosinya adalah pada asasnya untuk menambahkan ketibaan pelancong. Walau bagaimanapun, ia juga memberi perkhidmatan kepada mereka yang menyumbang kepada pendapatan pelancongan tetapi tidak didefinisikan khusus sebagai pelancong. Misalnya, peniaga-peniaga dan penduduk-penduduk tempatan yang biasa mengembara dan menggunakan kemudahan-kemudahan rekreasi dan kebudayaan yang sama seperti yang digunakan oleh pelancong.⁸

Perkembangan industri ini bergantung kepada isipadu dan corak penggunaan kemudahan dan perkhidmatan oleh para pelanggannya. Oleh itu, industri pelancongan merupakan perniagaan yang menarik ketibaan pelawat dan membekalkan keperluan serta memenuhi harapan para pelawat tersebut.⁹

2.1.3 Jenis Pelancong

Jenis pelancong boleh dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan tertentu bergantung kepada minat dan keperluan mereka. Secara umumnya, pelancong boleh dibahagikan kepada 3 kumpulan utama ¹⁰, iaitu :-

⁷ Ibid.

⁸ Ibid.

⁹ Ibid.

¹⁰ Lavery, Patrick (1987) *Travel And Tourism*, Elm Publications, United Kingdom, ms. 99.

- (i) "Psychocentrics"
- (ii) "Allocentrics"
- (iii) "Midcentrics"


"Psychocentrics" mempunyai keperluan yang kuat untuk ketetapan dan kepercayaan dalam aksi mereka. Apabila dalam perjalanan, mereka lebih suka melawat destinasi-destinasi yang biasa dilihat. Mereka tidak bertujuan untuk meneroka dan mengkaji tempat penginapan, makanan, hiburan atau penduduk yang akan mereka temui. Mereka mencari pengalaman yang tidak akan menimbulkan tekanan individu atau terlibat dalam situasi yang luar biasa.

"Allocentrics" mempunyai keperluan yang kuat untuk kepelbagaian dan pengalaman baru. Apabila dalam perjalanan mereka suka mencari tempat-tempat yang menawarkan peluang untuk pengalaman yang berbeza dari segi budaya dan alam sekitar. Mereka lebih suka hiburan dan peluang-peluang untuk melihat tempat-tempat menarik yang tidak diminati oleh "Psychocentrics".

"Midcentrics" adalah pelancong yang tidak mengutamakan pengembaraan yang bahaya dan berkeseronokan, tetapi mereka tidak takut untuk mencuba pengalaman yang baru selagi ianya tidak ganjil ataupun terlalu mencabar. Pasaran berkelompok atau "mass market" bagi pelancongan tidak terletak pada lingkungan personaliti pelancong "psychocentrics" dan "allocentrics", tetapi terletak pada golongan "midcentrics" ini.

Impak kumpulan-kumpulan pelancong ini ke atas alam sekitar sesebuah destinasi pelancongan adalah berbeza. Seperti yang ditunjukkan oleh *Rajah 2.1*, kumpulan pelancong "allocentrics" meninggalkan impak yang paling rendah

dan kumpulan pelancong "psychocentrics" akan meninggalkan impak yang paling tinggi sekiranya mereka datang dengan ramai.¹¹



Rajah 2.1 : Impak jenis pelancong ke atas alam sekitar destinasi pelancongan

Sumber : Craig-Smith, Stephen and French, Christine (1994) **Learning To Live With Tourism**, Pitman Publishing, Australia, ms. 4.

¹¹ Craig-Smith, Stephen and French, Christine (1994) **Learning To Live With Tourism**, Pitman Publishing, Australia, ms. 4.

2.2 KONSEP SISTEM EKOLOGI


2.2.1 Definisi Sistem Ekologi

Satu sistem ekologi boleh didefinisikan sebagai satu set hubungkait dan saling pergantungan di antara komponen-komponen atau subsistem benda hidup (organik) dan benda bukan hidup (tak organik). Ia merupakan istilah yang digunakan untuk menghubungkan satu kumpulan organisma dengan habitatnya, dan bagaimana kedua-dua elemen tersebut berhubungkait untuk membentuk satu unit yang berfungsi.¹²

Ini boleh dilihat dari segi rantai makanan di mana herbivor memakan tumbuhan, herbivor dimakan oleh karnivor dan karnivor dimakan oleh karnivor peringkat tinggi. Haiwan dan tumbuhan yang mati pula direputkan oleh organisma pereput (bakteria dan fungi) dan menjadi baja kepada tumbuhan. Tumbuhan yang hidup dengan subur akan membentuk hutan sebagai habitat kepada haiwan. Lingkaran sistem ini akan berterusan untuk mencapai keseimbangan.¹³ (rujuk *Rajah 2.2*) Contoh ini adalah berkenaan sistem ekologi hutan. Terdapat banyak lagi sistem ekologi lain seperti ekologi laut, ekologi gunung, ekologi manusia dan sebagainya yang mempunyai perhubungan yang kompleks.

¹² Tivy, Joy, and Greg O' Hare (1981) *Human Impact On The Ecosystem*, Oliver and Boyd, New York, ms. 13.

¹³ Ibid.



Rajah 2.2 : Lingkaran biologikal yang menunjukkan hubungkait di antara pertumbuhan dan pereputan

Sumber : Tivy, Joy and Greg O' Hare (1981) Tivy, Joy. and Greg O' Hare (1981) **Human Impact On The Ecosystem**, Oliver and Boyd, New York, ms. 23.